

Tun Mahathir terima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif kepada mantan Perdana Menteri Malaysia Keempat, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad atas sumbangan dan usaha berterusan beliau dalam membangunkan industri automotif negara.

Majlis disempurnakan Canselor UMP, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dalam Majlis Konvokesyen Khas yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Gambang pada 17 Mei 2012 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib dan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Haji Mohamad Ali.

Dalam titah ucapannya Tengku Abdullah memaklumkan, Tun Dr. Mahathir telah berjaya memajukan industri automotif nasional dan telah berjaya menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing tinggi di pentas global pada hari ini.

"Selepas 29 tahun, Malaysia berbangga kerana dapat memanfaatkan kepakaran tenaga tempatan bagi memajukan industri automotif nasional dari peringkat reka bentuk hinggalah pembangunan enjin. Malah, pengurniaan Ijazah Kehormat ini akan menginspirasi lebih banyak kejayaan dan

kecemerlangan anak watan Malaysia," titah baginda.

Tengku Abdullah turut menyarankan agar UMP terus memberikan tumpuan strategik dalam memastikan pembangunan universiti ini sentiasa berada pada koordinat yang sepatutnya melalui aktiviti penyelidikan, perundingan, penyebaran ilmu pengetahuan dan pembangunan modal insan yang dapat memberi nilai tambah kepada kemajuan masyarakat setempat.

Tun Mahathir Mohamad semasa menyampaikan ucapannya berkata, UMP berperanan aktif dalam membangunkan kejuruteraan automotif sebagai antara bidang kebitaraan (*niche*) Universiti ini.

"Kerjasama yang telah dijalinkan antara UMP dengan rakan strategik dari negara Jerman iaitu Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) dalam penawaran ijazah berkembar dalam bidang kejuruteraan automotif mampu mencorakkan industri automotif nasional dengan signifikan dengan penglibatan lebih ramai lagi tenaga pakar tempatan yang berkaliber tinggi," katanya yang menaruh keyakinan yang tinggi bahawa imaginasi kejayaan yang disusuli dengan kesungguhan usaha amat instrumental dalam merealisasikan sesuatu impian.

Tambah Tun, inilah yang dibuktikan melalui pembangunan industri automotif nasional sejak tahun 1983 yang bermula dengan Proton Saga, dan hari ini jenama automotif Malaysia telah dibarisi oleh

pelbagai model dan reka bentuk, hasil keberanian kita mengambil risiko dan mencuba satu ketika dahulu.

Justeru, industri automotif yang dibangunkan ini juga turut berpaksikan kesedaran patriotik bahawa anak watan perlu belajar mempercayai dan menghargai jenama nasional.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, penganugerahan buat Tun Mahathir dalam Majlis Konvokesyen Khas ini lebih bermakna tatkala universiti ini menyambut ulang tahun kesepuluh penubuhannya pada tahun ini.

Keyakinan pihak luar terhadap perkembangan industri automotif Malaysia yang berada di atas landasan yang kukuh pada hari ini turut memudahcara kerjasama UMP dengan universiti terkemuka di negara Jerman untuk mewujudkan kerjasama seperti program dwi-ijazah dalam bidang automotif.

Justeru, sebagai pengiktirafan terhadap komitmen, kepimpinan, sumbangan dan kegigihan yang diperlihatkan Tun dalam menerajui perkembangan industri automotif dan kejuruteraan, penganugerahan ini bertepatan dengan sumbangan yang dilakukan beliau dan wajar untuk UMP mengiktiraf Tun sebagai Bapa Automotif Malaysia.

Dalam majlis yang sama, Tengku Abdullah dan Tun yang diiringi tetamu kehormat yang lain berpeluang menyaksikan pameran automotif dan riwayat hidup Tun Mahathir.